



## ISLAM DALAM PENDIDIKAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMBENTUKAN JATI DIRI BANGSA MELAYU DI MALAYSIA

(Islam in Education and Its Relation to the Formation of Malay Ethnic Identity in Malaysia)

<sup>1</sup>AHMAD MUNAWAR ISMAIL\*; <sup>1</sup>ZAKARIA STAPA;

<sup>2</sup>MOHD YUSOF OTHMAN; <sup>3</sup>MASHITOH YAACOB

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,  
Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor,  
Malaysia

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,  
Selangor, Malaysia

### **ABSTRAK**

Perbincangan mengenai Islam di Malaysia telah menarik minat ramai penyelidik sama ada dari dalam atau luar negara. Isu-isunya merangkumi pelbagai aspek bidang kajian seperti sosio-budaya, Islam dan masyarakat Melayu, sains politik, ekonomi mahupun isu-isu kenegaraan. Kecenderungan para pengkaji ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Malaysia memiliki nilai-nilai yang dinamik dan keistimewaannya yang tersendiri. Justeru, satu kajian telah dilaksanakan bagi melihat secara empirikal data-data yang menunjukkan hubungan antara nilai-nilai dinamik yang ada dalam diri bangsa Melayu dan hubungannya dengan nilai-nilai Islam yang telah diperoleh melalui pendidikan Islam yang berterusan di Malaysia. Artikel ini adalah berasaskan kajian kuantitatif yang bertujuan mengenal pasti sejauh manakah tahap pengetahuan Islam bangsa Melayu di Malaysia. Kajian yang menggunakan kaedah tinjauan dan temu bual ini melibatkan seramai 587 orang responden terdiri daripada belia-belia yang memiliki ijazah dan yang tidak memiliki ijazah. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan min dan sisihan piawai. Secara keseluruhan, hasil analisis kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan Islam responden adalah sangat tinggi oleh kedua-kedua kategori responden ini. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan Islam di Malaysia telah memberi kesan yang signifikan sekurang-kurangnya kepada penyerapan nilai-nilai asas Islam seperti akidah, syariah dan akhlak kepada belia Melayu di Malaysia.

**Kata Kunci:** Islam, Melayu, belia, Malaysia, pendidikan Islam.

\*Corresponding author: Ahmad Munawar Ismail, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: munawar@ukm.my

Diterahkan: 10 November 2011

Diterima: 12 Januari 2012

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JIH-2012-SP-04>

Copyright © 2012 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Institut Islam Hadhari UKM

## ***ABSTRACT***

*Discussions on Islam have sparked the interest of researchers within the country and abroad. The issues encompass various aspects of studies, i.e., socio-culture, Islam and the Malay society, political sciences, economy and national issues. Researchers' inclination towards such topics illustrates that the Islamic society in Malaysia possess dynamic values that are special in their own ways. Hence, a study has been conducted to observe data which shows the empirical relationship between the dynamic values of the Malays and the Islamic values obtained through continuous Islamic learning in Malaysia. This article is based on quantitative research conducted with the aim to identify the level of Islamic knowledge amongst the Malay youths. Research was done by observing and interviewing 587 respondents comprising of two categories of youths, i.e., those with academic degree, and those without academic degree. Research data has been analysed descriptively using mean and standard deviation. Overall, the results of the analysis show that the respondents of both categories have a considerably high level of Islamic knowledge. Therefore, it is evident that Malaysia's education system has significant effects, especially on the absorption of basic Islamic values such as aqidah, syariah, and akhlaq by the Malay youths in Malaysia.*

**Keyword:** *Islam, Malay youth, Malaysia, Islamic education.*

## **PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA**

Pendidikan bermaksud mengajar, mengasuh (Abdullah dan Ainon 1995), atau *tarbiyyah* (Abdullah Ishak 1995) atau dalam bahasa arab bermaksud satu proses pengisian diri, pembentukan disiplin dan pengintelektualan generasi muda (al-Attas 1992) atau satu proses meningkatkan dan memaksimumkan peranan fizikal, mental dan akhlak manusia ke arah yang benar-benar sempurna (Abdullah 1995) atau satu proses di mana generasi muda dipelihara, disubur dan disemai (Simpson dan Weiner 2004), diindoktrinisasikan dan diberikan *input* ilmu untuk membentuk perkembangan dan pembinaan akhlak yang baik (Halsted 2004).

Dalam Islam, definisi pendidikannya sangat luas dan bersepada, merangkumi seluruh cara hidup manusia. Kurikulumnya datang daripada Allah, mengandungi aspek-aspek seperti akidah (kepercayaan), syariah (undang-undang), ibadah (pekerjaan), akhlak (tingkah laku), sains, teknologi, sosiologi, politik, ekonomi dan lain-lain. Ia merangkumi kehidupan di dunia dan akhirat dalam satu disiplin yang lengkap (Syed Muhammad Qutb 1992). Al-Attas (1992)

berpendapat, *ta'dib* adalah istilah yang paling tepat bagi menggambarkan konsep pendidikan dalam Islam kerana adab jelasnya merangkumi maksud ilmu dan amal sekaligus dan akhlak pula adalah tujuan pengetahuan. Ia melibatkan tindakan untuk mendisiplinkan jiwa dan fikiran daripada melakukan sebarang bentuk penyelewengan yang boleh membawa kepada kehilangan kehormatan sebagaimana sabda Nabi Muhammad saw yang diriwayatkan daripada Humaid bin Abdurrahman r.a yang mengatakan bahawa ia mendengar daripada Muawiyah berkhutbah katanya yang bermaksud:

“Dia mendengar Rasulullah saw bersabda “...Barangsiaapa dikehendaki Allah akan beroleh kebaikan, diberiNya pengertian dalam hal-hal agama...” (Al-Bukhari, Abi Abdillah bin Muhammad bin Ismail, 1997, hlm 20. *Sahih al-Bukhari*, kitab al-‘ilm bab al-‘ilm qabl al-Qaul wa al-‘amal, hadis no. 10).

Dari aspek objektif, pendidikan dalam Islam bertujuan mencipta manusia yang baik, baik dalam erti kata memiliki akhlak yang terpuji, iaitu manusia yang secara material dan spiritualnya insaf terhadap tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Hak, manusia yang memahami dan menyelenggarakan penunaian keadilan terhadap dirinya dan diri orang lain dalam masyarakatnya, yang terus berupaya meningkatkan setiap aspek dalam dirinya menuju kesempurnaan sebagai insan adabi, iaitu insan yang sentiasa berusaha menanamkan kualiti kebaikan yang diterima dalam seluruh aspek kehidupan, atau manusia yang menjalani keseluruhan hidupnya secara murni dan jujur berdasarkan etika keislaman (al-Attas 1997; Hasan 1997). Kenyataan ini juga adalah berdasarkan perjanjian akidah (rohaniah) yang telah dibuat secara kolektif antara individu dengan TuhanNya sebelum manusia dilengkapkan dengan bentuk jasmaniah, iaitu pengakuan manusia kepada pertanyaan Allah dalam firman Allah, dalam surah al-‘Araf ayat 172 yang bermaksud:

Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): “Bukankah Aku Tuhan Kamu?” Mereka semua menjawab: “Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi”. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: “Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini”.

Di Malaysia, pendidikan dalam Islam boleh dikatakan pelopor kepada semua sistem pendidikan yang pernah wujud di Malaysia (Abdullah Ishak 1995;

Sufean Husin 1993). Kurikulum pendidikan Islam lazimnya meliputi aspek-aspek asas dalam Islam seperti akidah, syariah dan akhlak (Ghazali 2001). Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diguna pakai lazimnya dalam tiga bentuk, iaitu, syarahan (kuliah), hafalan dan halaqah. Kaedah-kaedah ini diindoktrinisasikan daripada kaedah pengajaran yang menjadi amalan Rasulullah saw, Sahabat dan ulama silam. Sehingga kini, pendidikan Islam di Malaysia diberi taraf yang istimewa dan dijadikan teras dalam semua komponen pendidikan seperti kurikulum, pengukuran dan penilaian. Semuanya dibentuk dan dilaksanakan dengan tujuan meningkatkan keyakinan kepada kekuasaan mutlak Allah. Matlamatnya adalah untuk membangunkan modal insan yang seimbang dan membentuk serta membangunkan akhlak dan jati diri yang cemerlang khususnya dalam kalangan belia-belia Melayu. Nilai-nilai murni yang berasaskan komponen-komponen asas Islam telah diserapkan ke dalam semua mata pelajaran, pembelajaran dan pengajaran agar setiap mata pelajaran dapat sama-sama mendukung cita-cita Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN) dan sekaligus membantu mendukung pembangunan pendidikan Islam. Amalan dan pelaksanaan ini adalah wajar memandangkan komponen tersebut adalah aspek paling utama dalam kehidupan seseorang Islam. Ia berfungsi sebagai dasar dan nadi terpenting bagi pembinaan Islam secara keseluruhan. Kepastian keutamaan memahaminya telah disebut di dalam al-Quran dan al-Hadis, antaranya firman Allah dalam surah al-Taubah ayat 19-20 yang bermaksud:

Apakah mereka yang memberi minuman kepada orang-orang yang mengerjakan haji dan menguruskan Masjid al-Haram, kamu samakan dengan mereka yang beriman kepada Allah dan Hari Kemudian serta berjihad di jalan Allah? Mereka tidak sama di sudut Allah; dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum muslimin yang zalim. Mereka yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah dengan harta benda dan diri mereka, adalah lebih tinggi darjatnya di sudut Allah; dan itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.

Di samping itu, dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (Muslim, 2000. *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, Bab Bayan Kaun al-Iman bi Allah Taala Afdal al-<sup>c</sup>Amal, hadis no. 248) bermaksud:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a, katanya seseorang bertanya kepada Rasulullah saw: Amal bagaimana yang paling utama?" Jawab Nabi saw "Iman dengan Allah." Tanyanya pula, "Kemudian apa lagi?" "Jihad fi Sabi lillah." Tanyanya pula, "Kemudian apa lagi?" Jawab Rasulullah saw "Haji yang Mabrur."

## **ISLAM DAN PEMBENTUKAN JATI DIRI BANGSA MELAYU DI MALAYSIA**

Ahli-ahli sejarah telah menceritakan bahawa sebelum kedatangan penjajah Barat ke Tanah Melayu, masyarakat di alam Melayu telah mempunyai tamadun dan intelektual yang tinggi dan cemerlang (Zainal 2005). Walau bagaimanapun, kecemerlangan dan ketinggian ini masih kabur, tidak memiliki identiti tersendiri atau tidak mempunyai asas perpaduan dan jati diri yang dapat membezakannya dengan rumpun bangsa yang lain. Kedatangan dan kemasukan Islam ke Tanah Melayu yang membawa bersama nilai-nilai universal Islam telah menjadikan sebahagian besar penduduk Melayu di rantau ini menemui hala tuju dan asas jati diri yang sebenar iaitu agama Islam yang kekal sehingga kini.

Malah, penetapan asas jati diri Islam ini telah diakui di kalangan *academia* yang membahagikan ras bangsa masyarakat dunia kepada lima jenis; *Caucasian* (kulit putih), *Negroid* (kulit hitam), *Mongolian* (kulit kuning), *Red Indian* (kulit merah), dan *Melayu Polynesia* (kulit sawo matang). Dalam kerangka pembahagian ini, ras Melayu telah digunakan dengan merujuk kepada tiga elemen utama, iaitu pertama, beragama Islam, kedua, mendiami kawasan Nusantara, dan ketiganya, mengamalkan sosio-budaya dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utamanya (Muhammad Yusoff 1992).

Punca utama yang menyebabkan masyarakat Melayu, memilih Islam sebagai asas jati diri kemelayuan telah dilihat oleh kebanyakan sarjana moden antara lainnya adalah kerana kesucian dan kesempurnaan ajaran Islam itu sendiri yang boleh dijelaskan dengan beberapa penerangan (Rahimin Affandi 2005, hlm. 20-21):

- i. Ajaran Islam amat bersesuaian dengan psikologi dan mentaliti masyarakat Melayu yang mengamalkan cara hidup yang lemah lembut dan bersifat alami (menghormati keharmonian alam).
- ii. Sifat ajaran Islam yang mudah difahami, rasional dan sesuai dengan fitrah manusiawi berbanding dengan agama lain.
- iii. Cakupan agama Islam tidak bersifat perkauman yang terhad kepada sesuatu bangsa semata-mata tetapi merangkumi kesemua ras manusia sedunia yang dibina di atas asas persaudaraan (ukhuwah). Asas persaudaraan ini juga tidak menerima segala bentuk pembahagian kasta manusia yang mengakui semua manusia adalah sama martabatnya di sisi Allah.

Dalam hal ini, Al-Attas (1972) berpendapat, Islamlah yang telah memperkenalkan dunia Melayu kepada budaya ilmu dan pemikiran rasional yang menolak faham tahlul dan mitos. Islam jugalah yang memperkenalkan dunia Melayu kepada dunia luar, baik timur maupun barat, sehingga memungkinkan bangsa Melayu mengadun, menempa dan membina sebuah kesultanan yang cukup masyhur dalam sejarah. Islam juga yang telah menyempurnakan faham keperibadian sendiri, mengemaskinikan Faham Kebangsaan Melayu dan menjadi faktor pemersatu (*the unifying force*) orang-orang Melayu di rantau ini. Tidak dapat dinafikan bahawa faktor utama yang menyumbang kepada peneguhan jati diri di kalangan masyarakat Melayu adalah kerana sifat kesucian dan kesyumulan Islam itu sendiri yang penuh dengan pelbagai sumber dan prinsip bagi menjana perkembangan hidup manusia ke arah yang lebih baik. Agama Islam mempunyai ciri asas yang sangat unggul dan sangat istimewa. Keunggulan dan keistimewaan ciri tersebut, sebagaimana yang dinukil daripada Khurshid Ahmad (1981, hlm. 8-19), merangkumi tujuh perkara iaitu:

- i. Cara hidup yang sempurna
- ii. Kesejagatan dan kemanusiaan
- iii. Mudah, rasional dan praktikal
- iv. Perpaduan antara kebendaan dan kerohanian
- v. Keseimbangan antara individu dan masyarakat
- vi. Mengandungi unsur tetap dan berubah
- vii. Ajaran yang terpelihara

Jelasnya, Islam memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan bangsa Melayu di Malaysia. Tanpa Islam bangsa Melayu tidak memiliki hala tuju yang benar dan jelas dalam menikmati kehidupan. Sifat fitrah yang ada dalam Islam yang selari dengan fitrah manusia menjadikan pemilihan Islam sebagai asas jati diri bangsa Melayu suatu yang menguntungkan kerana semangat perpaduan (*internationalism*) yang dianjurkan oleh Islam telah membolehkan umat Melayu bersatu di bawah satu kerangka akidah, ummah dan ukhuwah yang bukan hanya terhad kepada lingkungan kawasan dan sejarah alam Melayu bahkan turut membabitkan kesemua umat Islam seluruh dunia dari setiap zaman daripada warisan tamadun yang tinggi (Rahimin Affandi 2000). Justeru itu, satu kajian telah dilaksanakan untuk mengenal pasti sejauh manakah tahap pengetahuan Islam dalam kalangan belia Melayu di Malaysia dan sejauh manakah pengetahuan ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan jati diri mereka.

## **METODE PENYELIDIKAN**

Reka bentuk kajian yang dipilih adalah kuantitatif jenis kajian tinjauan. Satu set instrumen soal selidik yang terdiri daripada item-item yang dipilih dari penelitian terperinci terhadap ulasan kepustakaan telah dibina dan diuji kesahan muka dan kesahan kandungan melalui kajian rintis dan analisis faktor. Populasi dan sampel responden pula adalah dari dua kategori sampel iaitu sampel belia yang bekerja tanpa ijazah dan belia yang bekerja dengan ijazah. Lokasi yang dipilih adalah Seluruh Malaysia. Kedua-duanya telah dipilih secara *convenience*. Jumlah responden yang terlibat adalah 587 orang. Pengumpulan data melalui instrumen soal selidik telah dilaksanakan mengikut prosedur dan teknik statistik deskriptif.

## **PERBINCANGAN ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

Secara keseluruhan seramai 587 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut 60.3% daripadanya adalah wanita manakala 39.7% adalah responden lelaki. Kebanyakan responden berumur sekitar 26 hingga 30 tahun (35.9%), diikuti dengan 21 hingga 25 tahun (24.2%), 31 hingga 35 tahun (20.4%) dan akhir sekali 36 hingga 40 tahun (19.5%). Sementara itu, 40.9% daripada jumlah responden tersebut adalah pemegang ijazah manakala selebihnya adalah bukan pemegang ijazah iaitu kira-kira 59.1%.

Analisis terhadap tahap pengetahuan Islam responden menunjukkan tahap pengetahuan responden mengenai Islam adalah tinggi iaitu dengan nilai skor min keseluruhan: min=4.64. Analisis dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden wanita 20.1% didapati lebih tinggi berbanding tahap pengetahuan Islam responden lelaki. Analisis dapatan turut memaparkan bahawa responden yang bukan pemegang ijazah 17.1% lebih tinggi pengetahuan Islam mereka berbanding responden dari kalangan pemegang ijazah.

Selain daripada ujian deskriptif, ujian korelasi pearson turut digunakan bagi menjawab objektif kajian. Menurut Chua (2006), dalam sesuatu kajian, jika subjek dipilih secara rawak berstrata dari populasinya, ujian signifikan akan digunakan untuk menganalisis data dan membuat inferensi kepada populasi. Analisis korelasi kemudiannya akan menunjukkan sama ada wujud kekuatan signifikan atau tidak supaya ia dapat digeneralisasikan kepada populasinya. Mengambil kira hal tersebut, kajian ini turut menggunakan ujian pekali korelasi pearson untuk menguji sejauh mana kekuatan hubungan antara pemboleh ubah pengetahuan Islam dengan pemboleh ubah jati diri. Hasil analisis dapatan kajian

menunjukkan korelasi antara pemboleh ubah pengetahuan Islam responden dengan pemboleh ubah jati diri adalah lemah iaitu ( $r=0.49$ ). Pekali korelasi ( $r$ ) yang ditunjukkan di atas adalah berdasarkan nilai  $r$  yang mempunyai sela antara +1.00 dan -1.00. Oleh kerana korelasi yang sempurna sukar diperolehi dalam penyelidikan maka pekali korelasi di atas dilaporkan dalam dua titik perpuluhan seperti dalam Jadual 1.

Kesimpulan daripada keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan Islam belia Melayu di Malaysia adalah sangat tinggi. Dapatkan kajian ini sejajar dengan kehendak ajaran Islam yang meletakkan pengetahuan Islam pada kedudukan yang sangat penting. Usaha untuk memperolehi dan mencapai pengetahuan Islam bukan sekadar minat atau keperluan bahkan adalah satu arahan yang mutlak dari Allah kepada seluruh umat Islam (Wan Mohd Nor 1989).

Jadual 1: Jadual Penentuan Saiz Korelasi

Saiz pekali korelasi ( r )	Kekuatan korelasi
0.91 hingga 1.00 / 0.91 hingga -1 .00	Sangat kuat
0.71 hingga 0.90 / 0.71 hingga - 0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70 / 0.71 hingga - 0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.50 / 0.31 hingga - 0.50	Lemah
0.01 hingga 0.30 / 0.01 hingga - -0.30	Sangat Lemah
0.00	Tiada korelasi

Imam al-Ghazali menegaskan bahawa keutamaan, kepentingan dan kemuliaan orang yang memiliki pengetahuan ini telah disebut berulang kali di dalam al-Quran dan hadis-hadis Nabi saw dan hal ini jelas apabila Allah meletakkan kedudukan orang yang memiliki pengetahuan pada kedudukan yang ketiga selepas diriNya dan malaikat (al-Ghazali 1939). Sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Imran ayat 18 yang bermaksud:

Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahwasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilanNya, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

dan dalam surah al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain), maka lapangkanlah seboleh-bolehnya, supaya Allah melapangkan (serba-serbinya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) – beberapa darjat, Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan. Di angkat oleh Allah orang-orang yang beriman daripada kamu dan orang-orang yang diberi ilmu dengan beberapa tingkat.

dan pada surah al-Zumar ayat 9 yang bermaksud:

“(Engkaulah yang lebih baik) atau orang yang ta’at mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhananya?” Katakanlah lagi kepadanya: “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Al-Zubaydi (1989) dalam menjelaskan maksud Imam al-Ghazali pada firman Allah ini menyatakan, *ishtishhad* Imam al-Ghazali dalam menghuraikan keutamaan memiliki pengetahuan ini adalah kemuliaan kepada mereka yang memiliki ilmu tauhid atau ilmu akidah. Menurut Al-Sya‘rawi (1991) dan Al-Zubaydi (1989), ayat 18 pada surah al-Imran di atas, menunjukkan hubungan yang kuat antara penyaksian Allah ke atas keesaan diri-Nya sendiri dan penyaksian manusia ke atas diriNya. Penyaksian Allah terhadap keesaan diriNya itu mestilah disaksikan atau diiktiraf bersama oleh seluruh manusia melalui satu proses aku janji (*iqamah*) dan pengajaran dan pembelajaran (proses *ta’lim*) supaya keesaan Allah ini dapat diakui, diiktiraf, diyakini dan diimani secara spiritual dan penghayatannya melalui praktikal (*tatbiq*) atau penghayatan akhlak (al-Sya‘rawi 1991; al-Zubaydi 1989).

Analisis dapatan kajian selanjutnya turut menunjukkan bahawa tahap pengetahuan Islam belia Melayu di Malaysia mempunyai kadar signifikan yang lemah atau menghampiri sederhana dengan nilai jati diri yang ada pada diri mereka. Dapatan ini menunjukkan jati diri Melayu dalam kalangan belia di Malaysia tidak banyak dipengaruhi oleh pengetahuan mereka terhadap Islam.

Walaubagaimanapun pengetahuan Islam (meskipun mempunyai kaitan yang lemah) tetap memberi sumbangan dan mempunyai peranan penting dalam memastikan jati diri Melayu khususnya nilai-nilai Islam kekal dan terpelihara.

Berkaitan dengan hubungan antara pengetahuan Islam dan pembentukan jati diri individu ini, al-Qaradawi (1990) berpendapat, pengetahuan Islam adalah petunjuk jalan yang membimbing ke arah pembentukan iman yang sempurna. Hanya manusia yang memiliki pengetahuan Islam sahaja mampu menjelaskan secara jujur bahawa di sebalik alam yang nyata ini ada kekuatan yang lebih tinggi, yang mengatur dan menyusunnya, memelihara segala sesuatu dengan ukuran dan perhitungan. Mohd Ali (1992) menyatakan ukuran akidah seseorang muslim diukur menurut kepatuhannya dan perlaksanaannya terhadap perintah-perintah imannya. Menurutnya, manusia yang sempurna adalah manusia yang berupaya mendisiplinkan amalan dan tingkah laku dirinya tunduk kepada imannya iaitu kepada perintah dan larangan Allah. Al-Bayanuni (2003) menyatakan, akidah bukan sekadar lafadz di mulut bahkan mesti diusahakan sehingga membawa akhlak yang baik kerana akidah dan akhlak yang baik itu adalah bersepadan. Tidak akan sempurna akidah seseorang tanpa disertai akhlak yang baik dan sempurna. Firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 65 bermaksud:

Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)!, mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.

Dalam hal ini juga, Nik Aziz (1998) berpendapat, kekuatan agama adalah satu daripada empat kekuatan asas yang harus dikuasai oleh individu bagi membersihkan jiwa, fikiran dan perlakuan daripada melakukan sebarang perkara yang tidak bermanfaat. Pendapat ini disokong oleh pendapat Tajul Ariffin (2002) yang menjelaskan, pembentukan individu Islam mesti dimulakan dengan pembinaan kekuatan agama khususnya akidah kerana kekuatan ini akan menerbitkan akhlak yang baik untuk diserapkan ke dalam bidang-bidang kognitif, efektif dan psikomotor. Dapatkan ini juga menyokong dapatan kajian yang telah dibuat oleh Ab Halim et al. (2004) yang mengambil pandangan pelajar tentang mata pelajaran Pendidikan Islam. Dalam dapatan kajiannya, pelajar-pelajar didapati sedar bahawa pelajaran agama memberi kesan ke atas pembangunan diri mereka. Pelajar berpendapat, mata pelajaran pendidikan Islam hendaklah diwajibkan kepada semua pelajar kerana ia mampu membentuk akhlak dan tingkah laku yang baik. Secara tidak langsung ia mampu menjadi pertahanan yang ampuh dalam menghadapi pelbagai cabaran semasa.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, petunjuk-petunjuk yang boleh dilihat melalui pemerhatian terhadap hasil analisis dapatan kajian menggambarkan bahawa peranan Islam sebagai pemungkin kepada kemantapan jati diri belia Melayu di Malaysia semakin terhakis. Meskipun dapatan deskriptif mengenai tahap pengetahuan Islam mereka (responden) tinggi namun dapatan tersebut tidak menunjukkan hubungan yang kuat dengan jati diri atau dalaman diri mereka. Dapatan ini amat membimbangkan dan menguji sejauh manakah keberkesanannya pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam dalam membentuk modal insan yang berkualiti yang menepati ciri-ciri yang dikehendaki dalam falsafah pendidikan Islam dan falsafah pendidikan negara. Justeru, satu kajian lanjutan perlu segera dilaksanakan khusus dalam menilai semula sistem pendidikan sedia ada dari semua aspek untuk memastikan bahawa sistem pendidikan yang telah dan akan dilaksanakan benar-benar menepati kehendak dan aspirasi al-Quran dan Sunnah Rasulullah saw.

### **Nota:**

Semua terjemahan al-Quran dalam artikel ini adalah berdasarkan terjemahan al-Quran Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran, Abdullah Basmeih. 2001. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1980. *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Management of Malaysia (ABIM).
- al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1992. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Terj. Shamsuddi Jaapar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1972. *Islam Dalam Sejarah Kebudayaan Melayu: Suatu Mukaddimah Mengenai Peranan Islam Dalam Peradaban sejarah Melayu-Indonesia dan Kesannya Dalam Sejarah Pemikiran, Bahasa dan Kesusastraan Melayu*. Penerbit. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ab Halim Tamuri. 2004. *Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM & Putrajaya: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdullah Ishak. 1995. *Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. 1994. *Kamus Peribahasa Kontemporari*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- al-Bayanuni, Ahmad 'Izzuddin. 2003. *Petunjuk akidah ahli sunnah wal al-jamaah*. Terj. Hasnan Kasan. Kuala Lumpur: JAKIM.
- al-Bukhari, Abi Abdillah bin Muhammad bin Ismail. 1997. *Sahih al-Bukhari*. Al-Riyadh: Dar al-Salam.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammed bin Muhammad. 1939. *Ihya' 'ulum al-Din*. Juz. 1. Misr; Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammed bin Muhammad. 2001. *Khuluq al-Muslim*. Al-Iskandariah: Dar al-Da'kwah li al-Tab'i wa al-Nasyr wa al-Tauzi'i.
- al-Qardhawi, Yusuf. 2000. *Ciri-ciri unggul masyarakat Islam yang kita idamkan*. Terj. Mohammad Zaini Yahya. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- al-Qardhawi, Yusuf. 2001. *Fi Fiqh al-Aulawiyat dirasah jadidah fi dhaui al-Quran wa al-Sunnah*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- al-Syaibani, 'Umar Muhammad al-Tumi. 1979. *Min usus al-tarbiah al-Islamiyyah*. Tripoli, Libya: al-Manshaah al-'Ammah al-Nashr wa al-Tauzi'q.
- al-Sya'rawi, Muhammad Mutawali. 1991. *Tafsir al-Sya'rawi*. Jld. 3. Al-Qahirah: Akhbar al-Yaum.
- al-Zubaydi, Al-Sayyid Muhammad al-Husayni Murtadha. 1989M/1409H. *Ithap al-sadah al-muttaqin bi syarh Ihya 'Ulum al-Din*. Juz.1. Bayrut, Lubnan: Dar al-Kitab al-'Ilmiyah.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.

- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan statistik penyelidikan, asas statistik penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Hassan Langgulung. 1997. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Langgulung. 2002. *Peralihan paradigma dalam pendidikan Islam dan sains sosial*. Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama.
- Khurshid Ahmad. 1966. *Prinsip-prinsip pendidikan Islam*. Surabaya: penerbit Pustaka Progresif.
- Khurshid Ahmad. 1981. *Islam: Prinsip Dasar dan Kerakteristiknya*. Bandung: Perpustakaan Salman ITB.
- Muslim, Imam Abi al-Husayn bin Muslim. 1997. *Sahih Muslim*. al-Riyadh: Dar al-Salam.
- Muslim, Imam Abi al-Husayn bin Muslim. 2000. *Sahih Muslim*. al-Riyadh: Dar al-Salam.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1992. *Pensejarahan Melayu: Kajian Terhadap Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Aziz Nik Pa. 1998. Menangani masalah sosial di kalangan remaja. *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 20 (2):1-10.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2000. *Kebudayaan Melayu Dan Islam Di Nusantara: Satu Analisa Pengkaedahan*. Dlm. Seminar Hukum Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2000. Anjuran Jabatan Fiqh dan Usul. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2005. *Citra Islam Dalam Pembentukan Manusia Melayu Modern Di Malaysia: Satu Analisa*. Dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jil 15. Penerbit: Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Simpson, J.A & Weiner E.S.C. 2004. *The oxford english dictionary*. 2<sup>nd</sup> edition. Volume 4. (Dvanda-Follis). Oxford:Clarendon Press.

- Sufean Hussin. 1993. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sufean Hussin. 1995. *Pengajaran nilai dalam kurikulum*. Shah Alam : Fajar Bakti.
- Syed Muhammad Qutb. 1992. *Peranan agama dalam pendidikan*. Dlm. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas. *Tujuan dan objektif pendidikan Islam*. (Terj.) Samsudin Jaapar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Qutb. 1992. *Petunjuk Sepanjang Jalan*. Terj. Salahuddin Abdullah. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. 2002. *Paradigma pendidikan bersepadu: perkembangan dua dekad*. Dlm. *Pendidikan dan pembangunan manusia*. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1989. *The concept of knowledge in Islam and its implications for education in a developing country*. Mansell Publishing Limited: Great Britain.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan amalan pendidikan Islam al-Attas*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Za'aba, Zainal Abidin Ahmad. 2005. *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling. 2005. *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Gapeniaga Sdn Bhd.